

Mohd Haidhar, Abdull Rahman & Mohd Faizul, “*Kitāb al-Luma’ fī al-Radd ‘alā Ahl al-Zaygh wa al-Bida’*” Karangan Imām Abū Al-Ḥasan Al-Ash‘arī,” *Afkar* Vol. 20 Issue 1 (2018): 41-84

KITĀB AL-LUMA’ FĪ AL-RADD ‘ALĀ AHL AL-ZAYGH WA AL-BIDA’ KARANGAN IMĀM ABŪ AL-ḤASAN AL-ASH‘ARĪ: TERJEMAHAN PERBAHASAN AL-QADR

KITĀB AL-LUMA’ FĪ AL-RADD ‘ALĀ AHL AL-ZAYGH WA AL-BIDA’, AN ESSAY OF IMĀM ABŪ AL-ḤASAN AL-ASH‘ARĪ: TRANSLATION ON THE DISCUSSION OF *AL-QADR*

Mohd Haidhar Kamarzaman*, Abdull Rahman Mahmood & Mohd Faizul Azmi

Centre of Akidah & Global Peace. Faculty of Islamic Studies. National University of Malaysia. 43600. Bangi. Selangor. Malaysia.

Email: *haidhar@ukm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/afkar.vol20no1.2>

Khulasah

Ketika berakhirnya zaman Salaf, terlalu banyak *firqah* yang sesat muncul terutamanya dari kelompok Qadariyyah dan Jabariyyah yang membahis isu *qadar* Allah. Imam al-Ash‘arī lahir sekitar kurun ketiga Hijrah membawa fahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan membahaskan isu *qadar* Allah SWT. sehingga beliau telah mengarang kitab *al-Luma’* dan membicarakan isu khusus dalam masalah perbuatan hamba dalam menentang kelompok Qadariyyah dan Jabariyyah. Kajian ini berusaha untuk menterjemah karya *al-Luma’* oleh al-Ash‘arī yang mengambil hanya bab *qadar* Allah SWT sahaja. Kajian ini juga berusaha untuk memberikan kefahaman terhadap isu *qadar* Allah menurut perspektif al-Ash‘arī dalam menentang kelompok yang sesat. Kajian ini menggunakan metode pengumpulan data, analisis data yang merangkumi analisis perbandingan, analisis berasaskan sejarah, analisis kandungan, dan metode induktif dan deduktif. Hasil Kajian mendapati bahawa

al-Ash‘arī telah merungkai keseluruhan masalah qadar Allah SWT dalam kitab *al-Luma’* demi memberi kefahaman kepada masyarakat awam dalam membasmi ajaran menyeleweng daripada fahaman Qadariyyah yang menyebabkan timbulnya salah faham terhadap isu perbuatan hamba. Kajian ini juga telah menyelesaikan terjemahan satu bab daripada kitab *al-Luma’* dalam masalah qadar dalam memperlihatkan pandangan Imam al-Ash‘arī bagi menjawab hujah kelompok Qadariyyah dan Jabariyyah dalam isu qadar dan perbuatan hamba.

Kata kunci: Al-Ash‘arī; Qadar; Perbuatan Hamba; *al-Luma’*.

Abstract

At the end of the Salaf era, too many misguided *firqah* emerged mainly from the Qadariyyah and Jabariyyah groups that addressed the issue of Allah’s *qadr*. Imām al-Ash‘arī was born around the third century Hijrah who bring the faith of Ahli Sunnah Wa al-Jama‘ah to defend the issue of the *qadr* of Allah until he had authored the book of *al-Luma’* and addressed a specific issue in the matter of the human acts against the Qadariyyah and Jabariyyah groups. This study attempts to translate *al-Luma’* works by al-Ash‘arī which takes only the part of *qadr* of Allah the Almighty only. The study also attempts to provide an understanding of the issue of Allah’s *qadr* in the perspective of al-Ash‘arī in opposing the deviant group. This study uses data collection methods, data analysis which includes comparative analysis, historical-based analysis, content analysis, and inductive and deductive methods. The study finds that al-Ash‘arī has unraveled the entire problem of *qadr* Allah in the book *al-Luma’* in order to provide an understanding to the public in eradicating the deviant teachings of the Qadariyyah understanding which led to the misunderstanding of the issue of and human act. This study has also completed the translation of a

chapter from *al-Luma'* in the *qadr* problem in order to show the view of Imam al-Ash'arī in answer the arguments of the Qadariyyah and Jabariyyah groups in the issue of *qadr* and the acts of slaves.

Keywords: Al-Ash'arī; *Qadr*; Human Act; *al-Luma'*.

Pendahuluan

Nama sebenar pengarang kitab *al-Luma'* adalah 'Alī bin Ismā'īl bin Abī Bishr bin Salīm bin Ismā'īl bin 'Abd Allāh bin Mūsā bin Bilāl bin Abī Burda bin Abī Mūsā al-Ash'arī¹. Beliau digelar sebagai Abū al-Ḥasan al-Ash'arī sebagai nisbah kepada datuknya iaitu Abū Mūsā al-Ash'arī². Menurut jumhur ulama, al-Ash'arī dilahirkan pada tahun 260 Hijrah³. Beliau dilahirkan di Basrah tetapi menetap di Baghdad dan wafat di sana⁴. Para ulama berselisih pandangan terhadap tarikh kewafatan beliau. Menurut Ibn Kathīr beliau wafat sekitar tahun 330 lebih Hijrah⁵. Menurut al-Asadi beliau wafat pada tahun 320 Hijrah⁶. Menurut Ibn Furak⁷, Ibn Ḥazm⁸ dan Abū al-Fallāḥ 'Abd al-Ḥarr bin Ibn al-'Imād al-Ḥanbalī⁹ pula beliau wafat pada tahun 324 Hijrah bersamaan dengan tahun 936 Masihi.

¹ Richard J, McCarthy, *The Theology of al-Ash'arī* (Beirut: Impremerie Catholic, 1953), 139.

² Ibn 'Asākir, Abī al-Ḥasan 'Alī bin Ḥasan, *Tabyīn Kadhb al-Muftarā fīmā Nusiba ilā al-Imām Abī al-Ḥasan al-Ash'arī* (Damsyiq: Maṭba'ah al-Tawfiq, 1347H), 146.

³ *Ibid.*

⁴ McCarthy, *The Theology of al-Ash'arī*, 139.

⁵ Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl bin 'Umar, *al-Sīrah al-Nabawiyyah*, Pnyt. Mustafā 'Abd al-Wāhid, 4 Juz (Kaherah: Maṭba'ah 'Īsa al-Bābi al-Halabi, 1966), 187.

⁶ McCarthy, *The Theology of al-Ash'arī*, 140.

⁷ Ibn 'Asākir, *Tabyīn Kadhb al-Muftarā*, 39.

⁸ McCarthy, *The Theology of al-Ash'arī*, 140.

⁹ Ibn al-'Immād, Abū al-Fallāḥ 'Abd al-Ḥarr Ibn al-Ḥanbali, *Shadharāt al-Dhahab*, 8 Juz, Pnyt. Maḥmūd al-Arna'ūt (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1989), 129.

Masalah al-Qadr

Dari sudut sejarahnya, masalah qadar Allah menurut al-Baghdadi¹⁰ muncul sekitar tahun 90H melalui perbincangan mengenai *al-qadr* dan *al-istiṭā'ah* dari pelopor Qadariyyah seperti Ma'bad al-Juhni dan Ghaylān al-Dimashqi dan pelopor Jabariyyah seperti Ja'ad bin Dirham. Menurut al-Nashshār¹¹, golongan yang dikatakan mula-mula sekali timbul pada waktu tersebut adalah golongan Qadariyyah. Golongan ini bangkit sebagai respon menentang pendapat-pendapat pemimpin Islam pada ketika itu yang sering menyalahkan Allah SWT atas perbuatan jahat mereka seperti pembunuhan dan perampasan harta. Mereka mengatakan bahawa apa yang mereka lakukan ini adalah disebabkan takdir Allah SWT.

Permulaan kebangkitan golongan Qadariyyah ini dipelopori oleh Ma'bad al-Juhni¹². Beliau berpendapat bahawa perbuatan-perbuatan jahat pemimpin-pemimpin ini bukanlah takdir Allah SWT yang menentukan dan melakukannya, tetapi manusia itu sendiri¹³. Perbuatan yang baik adalah daripada Allah SWT manakala perbuatan yang buruk adalah dari manusia sendiri. Pendapat Ma'bad ini diteruskan oleh Ghaylān al-Dimashqi sehinggalah kedua-dua mereka ini bangkit memberontak pimpinan kerajaan Umayyah pada ketika itu sehingga mereka dibunuh.¹⁴

Golongan Jabariyyah pula bangkit sebagai respon menentang pendapat Qadariyyah. Dari sudut sejarahnya

¹⁰ 'Abd al-Qāhir bin Tāhir bin Muḥammad al-Baghdādī, *al-Farq Bayn al-Firāq wa Bayān al-Firāq al-Nājiyah minḥum*, Pnyt. Muḥammad Muḥy al-Dīn 'Abd al-Ḥamīd (al-Qāhirah: Maktabah Muḥammad 'Alī Subḥī, t.th), 18.

¹¹ 'Alī Samī' al-Nashshār, *Nash'at al-Fikr al-Falsafi fī al-Islām*, 3 Juz, Cet Ke-7, (al-Qāhirah: Dār al-Ma'ārif, 1977), 203.

¹² Jalāl Muḥammad 'Abd al-Ḥamīd Mūsa, *Nash'at al-Ash'ariyyah wa Taṭawwuruhā*, (Bayrūt: Dār al-Kitāb al-Lubnāni, 1982), 97.

¹³ al-Nashshār, *Nash'at al-Fikr al-Falsafi*, 203.

¹⁴ W. M. Watt, *The Formative Period of Islamic Thought* (Edinburgh: Edinburgh University Press, 1973), 84, 85, 94.

menurut Jalāl Muḥammad Mūsā¹⁵, ia diasaskan oleh Ja'ad bin Dirham yang pernah menjadi guru kepada Khalifah Bani Umayyah terakhir iaitu Marwān bin Muḥammad. Setelah Ja'ad dibunuh, baharulah pendapat beliau diteruskan oleh Jahm bin Ṣafwān yang juga dikenali sebagai tokoh aliran Jahmiyyah. Golongan Jabariyyah juga sinonim dengan nama Jahmiyyah kerana ia dikembangkan oleh Jahm.

Jabariyyah mendapat nama kerana dihubungkan dengan kalimah *Jabr* iaitu penafian terhadap perbuatan manusia¹⁶. Jabariyyah berpendapat bahawa manusia tidak ada kuasa kepada sesuatu pun, dan tidak boleh disifatkan bahawa manusia itu ada kuasa. Ini kerana manusia itu adalah dipaksa dalam perbuatannya dan manusia tidak ada kuasa dan kehendak padanya. Yang menjadikan perbuatan manusia itu adalah Allah SWT semata-mata, manakala perbuatan manusia hanyalah *majāz* kepada perbuatan Allah SWT.¹⁷

Oleh itu berdasarkan kepada pendapat di atas, golongan Qadariyyah adalah golongan yang meletakkan sepenuhnya kuasa, kehendak dan perbuatan manusia sama ada perbuatan baik atau jahat atas diri manusia sendiri dan tidak tertakluk di bawah kuasa, kehendak dan perbuatan Allah SWT. Manakala golongan Jabariyyah pula berpendapat sebaliknya iaitu manusia tidak mempunyai kuasa, kehendak dan perbuatan, dan segala yang manusia lakukan adalah disandarkan kepada Allah SWT, dan manusia tidak mempunyai apa-apa kuasa, kehendak dan perbuatan dan mereka adalah dipaksa (*majbūr*) dalam perbuatannya.

¹⁵ Jalāl Muḥammad *Nash'at al-Ash'ariyyah*, 19.

¹⁶ Abū al-Faṭḥ Muḥammad bin 'Abd al-Karīm al-Shahrastānī, *al-Milāl wa al-Nihāl*, Pnyt. 'Abd al-'Azīz Muḥammad al-Wakīl, 4 Juz, (Muassasah al-Ḥalabi, 1968), 85.

¹⁷ *Ibid.*, 78.

Pengantar Kepada Teks Kitāb al-Luma'

Imam al-Ash'arī menulis *Kitāb al-Luma'* yang dimulai dengan muqaddimah dan sepuluh bab yang terkandung di dalamnya perbincangan, permasalahan dan jawapan terhadap persoalan dan hujah-hujah yang dikemukakan oleh mereka yang mengingkari pandangan beliau khususnya golongan Muktazilah. Menurut pandangan para pengkaji pemikiran Imam al-Ash'arī, mereka mengatakan penulisan kitab ini mempamerkan kemuncak metode akal beliau berbanding dengan kitab-kitab yang lain. *Kitāb al-Luma'* memperlihatkan perkembangan pemikiran beliau yang lebih matang dan mendalam. Kitab ini dipenuhi dengan hujah-hujah akal yang halus dan teliti sehingga sampai kepada tahap rumit dan sukar untuk difahami¹⁸.

Penulisan *Kitāb al-Luma'* ini bertujuan untuk menolak dan membatalkan hujah-hujah golongan Muktazilah dan mereka yang sesat serta bidaah dengan menggunakan disiplin ilmu mantik yang tinggi dan kaedah-kaedah *jidal* serta *munāzarah*. Metode akal yang digunakan oleh Imam al-Ash'arī bertepatan dengan tahap kebergantungan golongan tersebut pada zaman itu terhadap hujah akal. Hal ini juga diakui oleh Hamūdah Gharābah¹⁹ dalam muqaddimah *Kitāb al-Luma'* mengenai pemikiran Imam al-Ash'arī yang menggunakan dalil 'aqli secara meluas sehingga kepada tahap yang sangat rumit dan sukar untuk difahami oleh mereka yang tidak mempunyai pengetahuan dalam ilmu mantik. Oleh yang demikian para pembaca perlu menguasai disiplin ilmu mantik bagi memudahkan mereka memahami dengan tepat kehendak penulis kitab ini.

Bab masalah Qadar ini dikarang oleh al-Ash'arī bagi menyelesaikan isu yang telah dibangkitkan oleh kelompok

¹⁸ 'Isam Anas al-Zaftawī, *Manāhij al-Taṣnīf fī al-Falsafat al-Islām*, Tesis Sarjana, (Universiti al-Qāhirah: Dār al-'Ulūm, 2009), 416.

¹⁹ Hamūdah Gharābah (ed.), *Muqaddimah Kitāb al-Luma' fī al-Radd 'Alā Ahl al-Zaygh Wa al-Bida'* (al-Qāhirah: Maṭba'ah al-Miṣrīyah, 1955), 4.

Muktazilah atau Qadariyyah dalam masalah isu perbuatan hamba di mana mereka menafikan kuasa Allah atas perbuatan makhluk. Dari perbincangan Qadar yang dikemukakan oleh al-Ash‘arī, telah jelas beliau menyelesaikan polemik masalah Qadar ini pada zamannya dan hujah beliau telah digunakan sehingga ke hari ini.

Al-Ash‘arī Sebagai Penyelesai

Dalam persoalan al-Qadr, Imām al-Ash‘arī berpendapat bahawa Allah menciptakan setiap perbuatan manusia sama ada perbuatan itu adalah perbuatan yang baik ataupun perbuatan yang buruk, perbuatan keimanan mahupun perbuatan kekufuran. Beliau menolak pandangan yang berpendapat bahawa manusia mencipta perbuatan mereka sendiri dengan menafikan kuasa Allah di atas perbuatan tersebut. al-Ash‘arī juga menafikan bahawa manusia dipaksa untuk melakukan perbuatan mereka oleh Allah SWT kerana perbuatan manusia adalah hasil dari pilihan manusia sendiri²⁰.

Walaupun al-Ash‘arī telah berpegang bahawa Allah yang berkuasa terhadap perbuatan manusia sama ada baik atau buruk, mencipta perbuatan baik dan buruk tersebut, mengetahui perbuatan tersebut berlaku, dan menghendaki perbuatan itu berlaku, tetapi beliau masih lagi berpegang bahawa manusia mempunyai usaha untuk memilih perbuatan mereka. Walaupun beliau membataskan kuasa manusia terhadap perbuatannya, tetapi batas yang diletakkan oleh al-Ash‘arī terhadap kuasa manusia itu bukanlah batasan dari sudut memilih dan melakukan perbuatan tersebut. Bahkan batasan yang diletakkan oleh al-Ash‘arī dalam masalah kuasa manusia itu hanya dari sudut memberi kesan pada mencipta perbuatannya atau membaharukan perbuatannya dari tiada kepada ada.

²⁰ Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Ismā‘īl al-Ash‘arī, *al-Ibānah ‘an Uṣūl al-Diyānah*, Pnyt. Fawqiyah Ḥusīn Maḥmūd (al-Qahīrah: Dār al-Anṣār, 1977), 197.

Walau bagaimanapun, perbuatan manusia masih tertakluk di bawah sesuatu yang dinamakan oleh al-Ash‘arī sebagai ‘*al-kasb*’. Teori *al-Kasb* al-Ash‘arī merujuk kepada perbuatan yang diusahakan oleh manusia tetapi ianya dicipta oleh Allah SWT. Teori *al-Kasb* inilah yang menentukan sama ada seseorang itu diberikan ganjaran pahala atau pun dosa kerana ianya adalah pemilihan dari manusia sendiri.

Pengenalan *Kitāb al-Luma’*

Kitāb al-Luma’ fī al-Radd ‘alā Ahl al-Zaygh Wa al-Bida’ merupakan antara magnum opus Imam Abū al-Ḥasan bin Ismā‘īl al-Ash‘arī yang sampai kepada kita pada hari ini. Kitab ini sangat penting bagi mengkaji pemikiran beliau sebagai tokoh pengasas ilmu kalam. Ini kerana kitab ini telah memberikan hujah yang mantap dan jelas terhadap pegangan yang diambil oleh para ulama Ahli Sunnah Wa al-Jama’ah dari perspektif ulama Khalaf. Kitab ini juga telah menyelesaikan banyak isu dalam ilmu kalam khususnya isu perbuatan hamba yang menjadi konflik pada era ulama Salaf sehingga fahaman ini tersebar ke zaman al-Ash‘arī, lalu fahaman ini lenyap sesudah datangnya beliau.

Kitab ini juga menunjukkan kehebatan Imam al-Ash‘arī dalam membahaskan isu-isu akidah khususnya dalam menentang golongan sesat seperti Muktaẓilah. Ia juga merupakan kitab yang terpenting dalam sejarah ilmu kalam kerana telah menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh para ulama Kalam sebelum al-Ash‘arī dalam menentang kelompok Qadariyyah dan Muktaẓilah.

Kitāb al-Luma’ diterbitkan buat pertama kali oleh Richard McCarthy S.J pada tahun 1953 di Beirut. Kitab ini disertakan bersama-sama dengan kitab *Risālah fī Istihṣān* daripada manuskrip yang telah dicetak di India oleh Dā’irat al-Ma‘ārif al-Nizāmiyyah pada tahun 1344 H.

Terdapat dua orang sarjana yang telah melakukan usaha penting menerbitkan *Kitāb al-Luma’* dengan

membuat perbandingan antara manuskrip-manuskrip yang wujud bagi memastikan keaslian *Kitāb al-Luma’* supaya bertepatan dengan naskah asal. Usaha pertama dilakukan oleh Richard McCarthy S.J dan telah diterbitkan pada tahun 1953 oleh Imprimerie Catholique di Beirut dan termuat di dalam bukunya *The Theology of al-Ash‘arī*. Beliau bukan sahaja mentahqīq kitab ini bahkan turut menterjemahkannya ke dalam bahasa Inggeris dengan diberi judul *Highlights of The Polemic against Deviators and Innovators*. Bagi kitab *Risālah fī Istiḥsān al-Khawḍ fī ‘Ilm Kalām* pula, ia ditahqīq dan diterjemahkan oleh Richard McCarthy S.J dengan judul *A Vindication of The Science of Kalam*. Manakala usaha yang kedua, telah dilakukan oleh Hamūdah Gharābah dan telah diterbitkan pada tahun 1955 oleh Matba‘ah al-Miṣrīyyah di Kaherah. Terjemahan ini dipetik hanya dalam bab Qadar sahaja.

Pada terjemahan kitab ini, penulis mengambil pendekatan terjemahan berdasarkan kepada pendekatan perbandingan terhadap dua versi *Kitāb al-Luma’* iaitu kitab yang ditahqīq oleh Hamūdah Gharābah yang diterbitkan pada tahun 1955 dan kitab yang ditahqīq oleh Richard McCarthy S.J yang diterbitkan pada tahun 1953. Perbandingan ini mengambil kira tulisan yang paling tepat dengan kehendak penulis teks asal iaitu Imam al-Ash‘arī. Walau bagaimanapun, kitab yang ditahqīq oleh Hamūdah Gharābah menjadi keutamaan sekiranya terdapat percanggahan antara kedua-dua teks. Ini kerana versi kitab yang ditahqīq oleh Hamūdah Gharābah adalah lebih terkini dan beliau sendiri membuat perbandingan manuskrip asal dengan versi kitab yang telah ditahqīq oleh McCarthy, malah beliau memberi ulasan dan membuat pembetulan bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh McCarthy sebagaimana yang dijelaskan oleh Hamūdah Gharābah²¹ dalam muqaddimah tahqīq beliau terhadap *Kitāb al-Luma’*.

²¹ Hamūdah Gharābah, *Muqaddimah Kitāb al-Luma’*, 4.

Terjemahan Teks: *Kitāb al-Luma’ fī al-Radd ‘alā Ahl al-Zaygh wa al-Bida’*: Bab Perbahasan Qadar

Bab Pada Membicarakan Masalah *Al-Qadr*

- 1) **Sekiranya seseorang berkata:** Mengapakah kamu mendakwa usaha manusia dicipta oleh Allah SWT?

Jawabnya: Kami mengatakan demikian kerana Allah SWT telah berfirman:

وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ²²

Maksudnya: Padahal Allah SWT yang mencipta kamu dan benda-benda yang kamu buat itu!

Firman Allah SWT lagi:

جَزَاءً بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ²³

Maksudnya: Merekalah ahli syurga, tetap kekalah mereka di dalamnya, sebagai balasan bagi amal-amal soleh yang mereka telah kerjakan.

Apabila adanya balasan atas segala perbuatan mereka maka Allah SWT adalah pencipta bagi perbuatan mereka.

Sekiranya seseorang berkata: Tidakkah Allah SWT telah berfirman:

أَتَعْبُدُونَ مَا تَنْحِتُونَ²⁴

Maksudnya: (bagi menjawab bantahan mereka), ia berkata: Patutkah kamu menyembah benda-benda yang kamu pahat.

²² Al-Saffat, 37: 96.

²³ Al-Ahqaf, 46: 14.

²⁴ Al-A‘raf, 7: 95.

Ini membawa maksud berhala-berhala yang mereka sendiri pahat, maka kenapakah kalian menafikan firman Allah SWT خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ. Dimaksud disini ialah berhala-berhala yang dibuat oleh mereka.

Jawabnya: Sangkaan kamu itu salah, kerana pada hakikatnya berhala-berhala adalah patung yang dipahat oleh mereka. Allah SWT merujuk kepada firman-Nya مَا تَعْبُدُونَ مَا تَنْحِتُونَ iaitu apa yang mereka sembah, pada hakikatnya bukanlah dimaksudkan dengan kayu yang digunakan oleh mereka yang dirujuk dengan firman-Nya خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ.

- 2) **Sekiranya seseorang berkata:** Tidakkah Allah SWT telah berfirman:

تَلْفُفُ مَا يَأْفِكُونَ²⁵

Maksudnya: Maka tiba-tiba tongkat itu menelan apa yang mereka pura-pura adakan (dengan sihir mereka).

Allah SWT tidak maksudkan di sini kepura-puraan mereka, kenapa kamu mengingkari bahawa firman-Nya خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ tidak merujuk kepada perbuatan mereka.

Dijawab kepadanya: Apa yang mereka tipu itu adalah khayalan yang digunakan untuk mengkhayalkan kepada manusia lain, bahawa ianya adalah ular yang hidup, perbuatan penipuan mereka adalah perbuatan yang mengkhayalkan mereka, maka yang dimaksudkan dengan firman-Nya يَأْفِكُونَ iaitu mereka mengkhayalkan manusia bahawa itu

²⁵ Al-A‘raf, 7: 117.

adalah ular yang hidup dan penipuan mereka itu ialah mengaburi sesuatu supaya berbeza daripada hal yang sebenar, khayalan itu adalah penipuan mereka yang membuat manusia berkhayal bahawa itu adalah ular yang hidup pada hakikatnya. Dan khayalan itulah yang telah ditelan oleh tongkat. Tidak harus pada hakikatnya mereka membuat kayu-kayu. Maka tidak harus menjadikan Allah menghendaki dengan firman-Nya **وَمَا تَعْمَلُونَ خَلْقَكُمْ** kepada membuat kayu-kayu. Maka wajib dia maksudkan kepada perbuatan seperti apa yang dimaksudkan dengan firman-Nya **فِيهَا جَزَاءٌ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ** iaitu kepada perbuatan-perbuatan mereka. Sekiranya harus kepada seseorang yang mendakwa bahawa firman Allah SWT **وَمَا تَعْمَلُونَ خَلْقَكُمْ** dimaksudkan di sini bukan perbuatan mereka seperti dimaksudkan dengan firman-Nya **مَا يَأْفِكُونَ** iaitu bukan penipuan mereka, nescaya boleh seseorang mendakwa bahawa firman Allah SWT **جَزَاءٌ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ** , adalah dimaksudkan selain daripada perbuatan mereka, seperti mana apa yang dimaksudkan dengan firman-Nya **وَمَا تَعْمَلُونَ خَلْقَكُمْ** bukan perbuatan mereka, seperti mana firman Allah SWT **مَا يَأْفِكُونَ** , sesungguhnya apa yang dikehendaki disini ialah bukan penipuan mereka. Sekiranya perkara ini tidak harus nescaya tidak harus juga apa yang mereka katakan ini.

- 3) Dalil *qiyās* membuktikan Allah SWT mencipta perbuatan manusia iaitu kekufuran. Kekufuran ialah sesuatu yang buruk, salah, batil, dan bertentangan dengan apa diselisahkan. Adapun keimanan itu ialah sesuatu yang baik, tetapi

memenatkan dan menyusahkan. Kita ketahui seseorang kafir sengaja dan berusaha dengan dirinya menjadikan kekufuran itu sesuatu yang baik dan benar, perkara ini berlawanan dengan makna kekufuran. Kita dapati keimanan, sekiranya seorang yang beriman tidak menjadikan keimanan sebagai kesusahan, kepayahan dan kesakitan maka ianya tidak menjadi seperti mana yang diinginkan dan dikehendaki terhadap iman tersebut. Kita mengetahui bahawa sesuatu perbuatan itu tidak wujud pada hakikatnya kecuali ada yang mewujudkannya mengikut hakikatnya kerana jika harus terjadi secara hakikatnya tanpa pencipta yang mengadakannya seperti mana ia, nescaya sesuatu itu wujud secara hakiki tanpa pencipta yang mewujudkannya secara hakiki. Sekiranya tidak harus demikian itu, benarlah bahawa ianya tidak diwujudkan dengan hakikatnya kecuali daripada pencipta yang mewujudkannya seperti mana hakikatnya dan ia memang berniat untuk menciptanya. Hal ini kerana sekiranya harus sesuatu itu wujud seperti mana hakikatnya, bukan daripada orang yang berniat sedemikian, maka seseorang tidak akan wujud sesuatu perbuatan seperti demikian itu, sepertimana juga sekiranya harus wujud perbuatan tanpa pembuat maka tidak dipercayai semua perbuatan seperti demikian.

- 4) Sekiranya hal ini seperti demikian, maka wajiblah bagi kekufuran itu ada pencipta yang menjadikannya kufur, salah, buruk dan dia berniat seperti demikian. Tidak harus pencipta itu adalah seorang yang kafir yang ingin menjadikan kekufuran itu baik, mendapat

pahala, dan benar, maka hal ini bertentangan dengan demikian. Begitu juga bagi iman, ada pencipta selain dari orang yang beriman yang menjadikannya secara hakikatnya, bersifat dengan susah, penat, dan sakit, sekiranya dia berusaha menjadikan iman bertentangan dengan sifatnya yang menyusahkan, memenatkan, memberatkan maka dia tidak akan dapat melakukannya. Sekiranya tidak harus pencipta kekufuran adalah seorang yang kafir, dan tidak harus pencipta bagi iman adalah seorang yang beriman, maka wajiblah yang mencipta demikian itu adalah Allah SWT. tuhan sekalian alam yang berkehendakkan demikian itu. Kerana tidak harus mana-mana jisim yang menjadikan iman dan kufur itu, kerana jisim tidak harus memberi kesan kepada jisim yang lain.

- 5) **Sekiranya seseorang berkata:** Kenapa tidak menunjukkan berlaku sesuatu perbuatan iaitu *al-kasb* bahawasanya tidak ada yang menjadikannya kecuali Allah SWT seperti mana menunjukkan bahawasanya tidak ada pencipta selain Allah SWT.

Jawabnya: Demikian itu kami berpendapat.

- 6) **Sekiranya seseorang bertanya:** Kenapa tidak menunjukkan bahawa ianya tidak ada yang berkuasa ke atasnya kecuali Allah SWT. Dijawab kepadanya, tidak ada pencipta bagi perbuatan *al-kasb* itu pada hakikatnya kecuali Allah SWT, begitu juga tidak ada yang berkuasa ke atas perbuatan *al-kasb* itu pada hakikatnya untuk mencipta perkara tersebut

seperti mana keadaan penciptaannya kecuali Allah SWT.

- 7) **Sekiranya dia berkata:** Kenapakah keadaan *al-kasb* dengan hakikatnya tidak menunjukkan bahawa tidak ada *muktasab* baginya kecuali Allah SWT?

Jawabnya: Kesemua perbuatan semestinya ada pembuat pada hakikatnya, kerana perbuatan memerlukan kepada pembuatnya. Sekiranya perbuatan tersebut bukanlah jisim yang menjadikannya, maka pada hakikatnya wajibliah Allah SWT itu yang menjadikan perbuatan tersebut. Bukankah setiap perbuatan itu semestinya ada sesuatu yang berusaha menjadikannya dengan hakikat itu, sepertimana ia juga perlu kepada pencipta yang mencipta dengan hakikatnya. Maka wajib sekiranya perbuatan itu ada *al-kasb* nescaya Allah SWT lah yang menguasai *al-kasb* tersebut.

- 8) Tidakkah kamu lihat, pergerakan luar kawalan (*iḍṭirāriyyah*) membuktikan bahawa Allah SWT secara hakikatnya adalah pencipta perbuatan tersebut. Tidak menunjukkan bahawa pada hakikatnya yang bergerak itu adalah Allah SWT, kerana sekiranya pergerakan itu pada hakikatnya ia juga adalah pencipta baginya, maka tidak wajib bagi yang bergerak secara terpaksa itu adalah pencipta pada hakikatnya, kerana ia bergerak dengan pergerakan itu pada hakikatnya. Makna bergerak adalah suatu pergerakan berlaku padanya dan ini tidak harus berlaku pada Allah SWT. Demikian juga jika *al-kasb* itu menunjukkan kepada pembuat yang membuat

pada hakikatnya, tidak wajib ia menunjukkan bahawa pembuat bagi perbuatan itu pada hakikatnya adalah yang melakukan *al-kasb* itu. Begitu juga ia tidak menunjukkan bahawa pelaku itu adalah pembuat baginya secara hakikatnya, kerana pelaku perbuatan itu dikatakan melakukannya disebabkan perbuatan itu terjadi dengan *qudrahnya* yang baharu, dan ia tidak harus dikatakan bahawa Tuhan berkuasa ke atas sesuatu dengan *qudrah* yang baharu, dan tidak harus dikatakan Dia melakukan *al-kasb* bagi sesuatu perlakuan sekalipun Dia adalah pencipta bagi perlakuan itu pada hakikatnya

- 9) **Sekiranya seseorang berkata:** Adakah seseorang manusia itu mengusahakan (*al-kasb*) sesuatu dengan hakikatnya seperti kufur yang batil, iman yang baik.

Dijawab: Ini adalah salah. Sesungguhnya makna mengusahakan (melakukan) kekufuran bermaksud dia kafir dengan keupayaannya yang baharu. Begitu juga halnya bila kita mengatakan dia melakukan (mengusahakan) iman maksudnya ia beriman dengan menggunakan keupayaannya yang baharu tanpa dia mengusahakan sesuatu pada hakikatnya, bahkan yang membuatnya itu dengan hakikatnya adalah Allah SWT. Kenyataan berkaitan dengan dusta dan sesungguhnya dusta itu dengan hakikatnya terdapat pembuat yang membuatnya, dan yang berbohong adalah dengan melakukan perbuatan itu, sedang pembohongan itu tidak berlaku pada yang mencipta hakikat pembohongan tersebut, seperti juga kenyataan berkaitan pencipta

pergerakan secara hakikat, sedang yang bergerak dengan perbuatan itu bukan pembuat pergerakan tersebut dengan hakikatnya, ini telah kita nyatakan sebentar tadi.

10) Dalil *qiyās* yang lain membuktikan penciptaan perbuatan manusia adalah: Bukti Allah SWT mencipta pergerakan luar kawalan itu juga terdapat pada penciptaan pergerakan secara *iktisab*. Hal ini kerana pergerakan luar kawalan itu jika ia menunjukkan bahawa Allah yang menciptanya adalah kerana ia bersifat baharu. Demikian juga berkaitan dengan pergerakan *iktisab*, kerana yang menunjukkan bahawa Allah yang menciptanya adalah keperluannya kepada tempat dan masa, maka demikian juga pergerakan *iktisab*. Oleh kerana setiap bukti yang digunakan berkaitan dengan pergerakan luar kawalan menunjukkan bahawa ia dicipta oleh Allah SWT, maka wajib juga diputuskan bahawa pergerakan *iktisab* juga adalah dicipta oleh Allah. Oleh itu wajiblah dicipta pergerakan *iktisab* sebagaimana wajib dicipta pergerakan luar kawalan itu.

11) **Sekiranya seseorang berkata:** Maka wajib jika salah satu dari dua pergerakan itu adalah secara luar kawalan, maka demikian juga pergerakan yang satu lagi. Oleh itu jika satu darinya adalah secara *al-kasb*, maka yang satu lagi juga adalah *al-kasb* juga.

Jawabnya: Tidak wajib sedemikian itu kerana perbezaan makna luar kawalan (terpaksa) dengan makna *al-kasb*. Makna terpaksa (luar kawalan) adalah apa yang ditanggung ke atasnya sesuatu dan ia dipaksakan ke atasnya

sehingga jika ia berusaha untuk mengatasinya atau keluar darinya dengan usaha yang sedaya upaya, ia tetap tidak akan mampu melepaskannya dan tidak ada jalan keluar daripadanya. Jika salah satu dari dua pergerakan seperti yang disifatkan ini iaitu pergerakan luar kawalan seperti pergerakan terketar dari orang yang lumpuh atau menggigil dari orang yang demam, kedua-duanya berlaku secara luar kawalan. Sekiranya pergerakan yang berlaku berlainan dari sifat ini maka ia tidak dinamakan luar kawalan kerana seseorang manusia dalam keadaan ia tampil dan beredar berlainan dengan orang yang lumpuh atau menggigil dari orang yang demam. Manusia sememangnya mengetahui perbezaan antara dua situasi ini secara langsung dengan ilmu yang jelas yang tidak harus berlaku keraguan padanya. Oleh itu wajiblah jika lemah pada salah satu dari dua keadaan itu adalah kerana terdapat *qudrah* yang merupakan lawan kepadanya yang terdapat pada keadaan yang lain, kerana lemah itu jika terdapat dalam dua keadaan itu, maka pasti apa yang berlaku pada manusia itu dalam dua-dua keadaannya adalah sama. Oleh kerana perkara itu tidak sedemikian, maka *qudrah* yang terdapat pada salah satu dari dua pergerakan itu pastinya adalah *al-kasb*, kerana makna *al-kasb* adalah sesuatu itu berlaku dari orang yang melakukannya dengan menggunakan kekuatan yang baharu. Oleh kerana perbezaan di antara dua keadaan pergerakan ini yang mana salah satunya dengan makna luar kawalan maka pergerakan itu wajib dinamakan pergerakan luar kawalan dan pergerakan yang lain dengan makna *al-kasb*, maka wajib dinamakan

pergerakan tersebut sebagai *al-kasb*. Bukti ciptaan pada pergerakan luar kawalan dan pergerakan secara iktisab adalah sama, oleh itu wajiblah jika salah satu dari keduanya berlaku dengan ciptaan, maka yang satu lagi juga adalah dengan ciptaan.

- 12) Tidakkah anda melihat bahawa perbezaan antara keduanya dari sudut luar kawalan dan *al-kasb* tidak mewajibkan perbezaan keduanya dari sudut baharu dan kewujudan yang didahului oleh tiada. Demikian juga tidak wajib berbeza keduanya dari sudut luar kawalan dan *al-kasb* juga tidak wajib berbeza keduanya dari sudut ciptaan. Tidakkah anda melihat bahawa jisim yang tidak mendahului perkara-perkara yang baharu maka wajib ia baharu dengan masuknya ia dalam makna yang baharu. Dan tidak wajib bila ia termasuk dalam perkara yang baharu, dengan penyertaan perkara-perkara baharu yang lain dalam erti baharu jika terdiri perkara yang baharu itu dari pergerakan, maka jisim juga adalah pergerakan, dan jika daripada perkara yang baharu itu juga terdapat jisim, tidak wajib gerakan itu adalah jisim. Jika kedua-duanya tidak sama dari sudut makna jisim dan pergerakan namun sama dari sudut makna baharu, maka demikian juga apabila sama *al-kasb* dan luar kawalan dari sudut makna ciptaan dan baharu, wajib juga jika salah satu dari keduanya ciptaan Allah maka, wajiblah yang satu lagi itu juga ciptaan Allah. oleh itu tidak wajib berbeza keduanya dari sudut luar kawalan dan *al-kasb* berbeza keduanya dari sudut ciptaan.

13) Sekiranya seseorang berkata: Mengapa kamu menafikan apa yang membuktikan salah satu dari dua gerakan telah dicipta oleh Tuhan, iaitu gerakan luar kawalan yang berlaku sebagai satu pergerakan yang lemah dari mengawalinya. Maka jika berlaku sesuatu pergerakan yang lain dengan keupayaan untuk bergerak, maka ia bukanlah makhluk.

Jawabnya: Sekiranya berlaku sesuatu yang terhasil dari kuasa sesuatu selain dari Tuhan, terkeluarlah ia dari menjadi makhluk. Maka tidak boleh diyakini bahawa gerakan orang yang terketar-ketar ketika lumpuh dan orang yang menggigil ketika demam, telah diberi kuasa oleh Allah kepada sebilangan malaikat untuk melakukannya pada orang yang bergerak secara luar kawalan itu. Ini kerana ianya tidak mustahil menurut pandangan orang yang menyalahi pandangan kita bahawa sesuatu yang berkuasa boleh mengarahkan makhluk untuk melakukan pada yang lain. Maka terbatallah bukti yang menunjukkan Allah membuatnya sebagaimana sepatutnya. Begitu juga sama kita katakan pada gerakan cakerawala dan himpunan dan pembentukan juzu’-juzu’ yang berada di langit. Sekiranya demikian, maka terbatallah bukti bahawa Allah menjadikan kesemuanya sebagaimana sepatutnya. Seseorang tidak boleh meyakini bahawa juzu’-juzu’ di langit itu mempunyai penyatunya selain dari Allah, dan juga bagi cakerawala yang mempunyai penyusun selain dari Allah, dan bintang-bintang yang mempunyai penggerak juga selain dari Allah. Apabila tidak harus demikian, terbatallah apa yang mereka katakan,

bahawa sesuatu itu sekiranya dilakukan oleh sesuatu selain Allah maka terkeluarlah ia dari makhluk ciptaan Allah.

- 14) Begitu juga lemah itu bukanlah menunjukkan bahawa Allah SWT mencipta benda-benda yang menjadikan-Nya lemah adalah lebih utama daripada *qudrah* yang Allah jadikan, untuk menunjukkan bahawa Allah mencipta sesuatu yang Dia berkuasa ke atasnya. Ini kerana apa yang Allah ciptakan kuasa ke atas kita, maka Dia lebih berkuasa ke atas kita, sebagaimana juga Allah mencipta ilmu pada kita, maka tentunya Dia lebih berilmu daripada kita dan Allah mencipta pendengaran kepada kita, maka Dialah yang lebih Maha Mendengar. Maka apabila semuanya sama berhubung dengan kekuasaan Allah, wajiblah apabila Dia yang memberi kuasa kepada kita untuk gerakan *iktisab*, nescaya Dialah yang mencipta pergerakan pada diri kita sebagai *al-kasb* kita, ini kerana apa yang Dia berkuasa untuk menciptakannya pada kita sedang ia tidak melakukannya pada kita sebagai *al-kasb* maka sesungguhnya Dia meninggalkan untuk melakukan *al-kasb* pada kita, apabila Dia meninggalkannya sebagai *al-kasb* untuk kita mustahillah untuk kita menjadi orang yang melakukan *al-kasb*. Ini membuktikan apa yang kita dakwa bahawa kita tidak melakukan *al-kasb* itu kecuali pada masa itu juga Allah menciptakan *al-kasb* untuk kita.

Persoalan

- 15) **Sekiranya seseorang berkata:** Sekiranya *al-kasb* manusia adalah ciptaan, mengapakah

kamu menafikan manusia sebagai pencipta kepada *al-kasb* tersebut?

Dijawab: Aku tidak mengatakan bahawa *al-kasb* itu adalah ciptaan aku, sehingga melazimkan aku menjadi pencipta bagi usaha aku tersebut. Namun apa yang aku nyatakan bahawa *al-kasb* itu dicipta oleh yang lain, maka bagaimana diwajibkan kepada aku sebagai penciptanya sedangkan ia dicipta oleh yang lain? Jikalau *al-kasb* aku itu apabila ia adalah ciptaan dari Allah dan aku adalah ciptaan baginya maka pastilah gerakan orang yang bergerak secara luar kawalan, jika ia adalah ciptaan Allah maka Allah dengan pergerakan itu menjadi yang bergerak. Oleh kerana tidak harus sedemikian itu, kerana Allah yang menciptakan pergerakan itu sebagai pergerakan pada yang lain, maka tidak wajib ke atas kita apa yang mereka dakwa kerana *al-kasb* kita adalah ciptaan daripada selain kita.

16) Jika seorang berkata: Bukankah Allah yang mencipta kezaliman seorang hamba?

Jawabnya: Allah yang menciptakannya sebagai sesuatu yang zalim bagi hamba bukan bagi-Nya.

17) Jika seseorang berkata: Kenapa kamu menafikan bahawa Allah itu Zalim?

Jawabnya: Bukanlah yang zalim itu zalim kerana ia membuat sesuatu sifat yang zalim itu sebagai zalim pada yang lain, bukan zalim pada dirinya, kerana jika dia menjadi yang zalim dengan sebab ini maka tidak ada di kalangan makhluk ini suatu yang zalim. Oleh kerana

tidak terdapat yang zalim itu sebagai zalim kerana ia membuat sifat zalim sebagai satu sifat zalim pada yang lain, tidak wajib bagi Allah dengan sebab penciptaan sifat zalim pada selain-Nya itu menjadikan Dia bersifat zalim. Begitu juga jika lazim apa yang mereka dakwa itu maka lazim juga apabila Allah membuat *irādah*, syahwat dan gerakan pada yang lain bukan pada diri-Nya menjadikan Dia yang berkehendak, yang bersyahwat dan yang bergerak. Oleh kerana tidak wajib sedemikian ini, maka tidak wajib juga apa yang mereka dakwakan.

- 18) Sekiranya mereka berkata:** Kadang-kadang Allah SWT mencipta gerakan yang tidak diusahakan oleh sesiapa dan Allah SWT itu sendiri tidak bergerak.

Jawab: Demikian juga jika Allah SWT mencipta kezaliman yang tidak diusahakan oleh seseorang maka penciptaan itu tidaklah menjadikan Allah zalim, namun kezaliman itu adalah sifat bagi orang yang dicipta oleh Allah padanya sifat zalim. Maka dengan sifat itu dia menjadi orang yang zalim.

- 19) Sekiranya mereka berkata:** Mengapa Dia tidak berkata dengan *kalām* orang yang lain sebagaimana Dia mencipta kezaliman orang lain.

Jawabnya: Kami tidak mengatakan bahawa ia zalim dengan kezaliman orang lain. Maka melazimkan kita untuk berkata dengan *kalām* orang lain. Kerana sesungguhnya, kami berkata bahawa Allah mencipta kezaliman kepada yang lain bukan untuk-Nya. Dan ciptaan itu tidak

menjadikan-Nya zalim. Sejarar dengan ini juga Dia mencipta kata-kata pada yang lain bukan untuk diri-Nya dan penciptaan tersebut tidak menjadikan Dia berkata-kata. Begitu juga jika wajib berkata dusta oleh orang yang bukan pendusta sebagaimana membuat zalim oleh orang yang bukan penzalim, nescaya wajib berkata dusta oleh orang yang bukan pendusta sebagaimana Dia mencipta *irādah* kepada mereka yang tidak menghendaknya dan Dia mencipta pergerakan kepada mereka yang tidak bergerak dengannya. Jika tidak wajib hal ini, maka tidak wajibliah apa yang mereka katakan. Begitu juga kita telah membuktikan bahawa *kalām* Allah SWT terdiri dari sifat-sifat Zat-Nya sebagaimana yang dinyatakan di permulaan kitab kita ini, oleh itu mustahillah Dia berkata-kata dengan *kalām* selain-Nya sebagaimana sifat ilmu yang merupakan sifat Zat-Nya, maka mustahil ilmu selain-Nya itu adalah ilmu bagi-Nya, dan mustahil juga Tuhan *Rabb al-‘Alamīn* adalah yang berilmu dengan ilmu yang baharu.

Persoalan

20) Sekiranya seseorang berkata: Bukankah setiap hamba itu berada dalam dua keadaan, iaitu apabila mendapat nikmat, wajib dia bersyukur dan apabila mendapat musibah wajib dia bersabar?

Jawabnya: Manusia tidak dapat lari daripada nikmat dan bala, baba-bala itu ada yang wajib manusia bersabar sekiranya ditimpa padanya seperti sakit demam, musibah yang menimpa harta benda, anak-anak dan apa-apa yang seumpama dengannya. Dan bala yang tidak

wajib bersabar adalah kekufuran dan semua jenis maksiat.

Persoalan

21) Sekiranya seseorang berkata. Adakah Allah telah menetapkan secara *qada'* dan qadar seseorang manusia yang melakukan maksiat?

Jawabnya: Ya, sememangnya Allah SWT yang mencipta dan menulis ketetapan ke atas mereka, perkara ini dijelaskan di dalam firman-Nya:

وَقَضَيْنَا إِلَىٰ بَنِي إِسْرَائِيلَ فِي الْكِتَابِ²⁶

Maksudnya: Dan Kami menyatakan kepada Bani Israil dalam Kitab itu.

Bermaksud kami yang memberitahu dan memaklumkan kepada mereka. Dan firman Allah SWT lagi:

إِلَّا أُمَّرَأْتَهُ فَعَدَرْنَاهَا مِّنَ الْعَابِرِينَ²⁷

Maksudnya: Kecuali isterinya, Kami takdirkan dia menjadi dari golongan yang tertinggal dalam azab.

Kamilah yang menetapkan/menentukan dan memberitahu bahawa isterinya dari kalangan golongan yang tertinggal di dalam azab. Tetapi kami tidak mengatakan Dia menetapkan dan mentaqdirkan perbuatan tidak taat, dengan maksud Dia yang memerintahkannya.

22) Sekiranya seseorang berkata: Adakah *Qada'* Allah SWT itu benar?

Jawabnya: Sebahagian dari *qada'* Allah adalah mencipta apa yang benar seperti ketaatan-

²⁶ Al-Isra', 17: 4.

²⁷ Al-Naml, 27: 57.

ketaatan dan apa yang tidak dilarang. Begitu juga sebahagian dari *qada’* Allah itu mencipta apa yang zalim seperti kekufuran dan maksiat kerana ciptaan itu terdiri dari perkara yang benar dan perkara yang batil. Adapun *qada’* yang bermaksud suruhan dan *qada’* yang bermaksud pemberitahuan, dan ketetapan adalah benar kerana ia berlainan dari apa yang *diqada’*kan.

- 23) Sebilangan dari kelompok kami, mereka menjawabnya dengan mengatakan bahawa: Allah SWT yang *qadakan* maksiat dan kufur, Dan Dia berkata dengan lafaz maksiat dan kekufuran. Kedua-duanya salah dan batil. Dan Dia tidak berkata dengan lafaz *qada* bahawa sesungguhnya ia adalah batil kerana kata-kata seseorang “*qada* Allah itu batil” memberi kesamaran bahawa *qada* Allah itu tidak ada hakikat baginya sepertimana seseorang apabila dia melihat sebatang kayu yang patah lalu mengungkapkan kata-kata “kayulah yang patah”, sekalipun demikian ia adalah hujah Allah SWT. Dan seseorang tidak berkata dengan lafaz bahawa hujah itu sesungguhnya adalah patah kerana ini memberi kesamaran bahawa hujah Allah SWT tidak ada hakikat baginya. Demikian juga keadaannya ia berkata sesungguhnya kufur itu adalah batil dan kufur itu adalah *qada* Allah SWT dengan erti kufur itu adalah ciptaan Allah dan ia tidak berkata *qada* Allah itu batil kerana ia memberi kesamaran bahawa *qada* Allah tidak ada hakikat baginya. Ini seperti apa yang kita katakan bahawa orang kafir itu beriman dengan selain dari Allah dan taghut. Dan kita tidak

berkata orang kafir itu beriman dan lalu kita berdiam kerana itu boleh memberi kesamaran. Begitu juga kita berkata Nabi s.a.w. kafir dengan selain dari Allah dan ṭāghūt dan kita tidak berkata Nabi s.a.w. kafir lalu kita diam kerana ia boleh menimbulkan kesamaran.

- 24) Sekiranya seseorang berkata:** Adakah kamu redha bahawa kekufuran itu adalah dengan taqdir dan *qada’* Allah.

Jawabnya: Kita redha bahawa Allah SWT menentukan kekufuran sebagai sesuatu yang keji dan mentaqdirkannya sebagai sesuatu yang *fasid*, tetapi kita tidak redha bahawa orang yang kafir itu adalah kafir dengan *qada’* Allah kerana Allah SWT menegah kita daripada kekufuran. Dan bukanlah bila kita menyebut redha dengan lafaz *qada’* wajib kita menyebut redha dengan lafaz kufur sebagaimana tidak wajib bila kita katakan bahawa kayu hujah bagi Allah SWT dan sesungguhnya kayu itu patah untuk kita berkata bahawa hujah Allah patah kerana ini memberi kesamaran bahawa hujah Allah tidak ada hakikat baginya. Demikian juga kita menyebut redha dengan lafaz *qada’* dan qadar dan kita tidak menyebutkannya dengan lafaz kufur. Inilah jawapan kelompok kita yang kita sebut jawapan mereka sebentar tadi.

- 25) Sebilangan dari kelompok kita juga ada yang menjawab bahawa kita redha dengan *qada’* Allah SWT dan qadarnya yang memerintah kita supaya kita redha dengan kedua-duanya sebagai mengikut perintahnya kerana tidak boleh mendahului Allah dan menentang-Nya. Begitu juga sebagaimana kita redha dengan**

kekalnya para Nabi dan kita tidak suka kematian mereka dan kita tidak suka kekalnya syaitan. Semuanya itu adalah dengan *qaḍa’* Tuhan sekalian alam.

Persoalan

- 26) Sekiranya seseorang berkata:** Yang manakah baik: Kebaikan atau orang yang melakukan kebaikan?

Jawabnya: Orang yang melakukan kebaikan dan mengajurkannya adalah lebih baik dari kebaikan itu sendiri.

- 27) Sekiranya mereka berkata:** Yang manakah jahat: Kejahatan atau orang yang melakukan kejahatan?

Jawabnya: Orang yang melakukan kejahatan, maka ia adalah zalim dengan kejahatan itu, maka mereka lebih jahat dari kejahatan itu sendiri.

Persoalan

- 28) Sekiranya seseorang bertanya:** Adakah kamu berpegang bahawa kejahatan itu berpunca daripada Allah SWT.

Jawabnya: Sebilangan dari kelompok kita ada yang berkata bahawa semua perkara itu keseluruhannya adalah daripada Allah SWT, tanpa menyebut dengan lafaz jahat bahawa ia daripada Allah SWT, seperti disebut semuanya datang dari Allah SWT secara umum, dan tidak disebut secara terperinci (isteri dan anak bagi Allah SWT) seperti disebut secara umum selain dari Allah itu adalah lemah dan tidak dikatakan secara terperinci seperti: agama Allah itu lemah.

Sementara pada pandangan saya: bahawasanya kejahatan itu dari Allah SWT dengan Dia menciptakannya sebagai suatu yang jahat untuk selain-Nya bukan untuk diri-Nya.

Persoalan

29) Sekiranya mereka bertanya: Apakah maksud firman Allah SWT:

يَلُؤُونَ آلْسِنَتَهُمْ بِالْكِتَابِ لِتَحْسَبُوهُ مِنَ الْكِتَابِ وَمَا هُوَ مِنَ الْكِتَابِ وَيَقُولُونَ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَمَا هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ²⁸

Maksudnya: Di antara mereka (Ahli Kitab itu) ada (ketua-ketua agamanya) yang memutar-mutar lidahnya semasa membaca kitab Taurat (dengan mengubah maknanya), supaya kamu menyangkanya sebahagian dari kitab Taurat padahal ia bukanlah dari kitab itu, dan mereka pula berkata: "(Bahawa) ia adalah (datangnya) dari sisi Allah".

Jawabnya, maksud yang demikian itu mereka telah mengubah gambaran mengenai Rasulullah s.a.w dan mengelirukan orang bodoh dikalangan mereka bahawa ia adalah kitab mereka. Firman Allah SWT:

وَمَا هُوَ مِنَ الْكِتَابِ وَيَقُولُونَ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَمَا هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ²⁹

Bermaksud: Allah SWT menurunkannya. Firman Allah SWT:

وَمَا هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ³⁰

²⁸ Ali 'Imran, 3: 78.

²⁹ Ali 'Imran, 3: 78.

³⁰ Ali 'Imran, 3: 78.

Iaitu tidak diturunkan kitab kepada mereka sebagaimana yang mereka dakwa.

Persoalan

Sekiranya seseorang berkata: Apakah maksud firman Allah SWT:

مَا تَرَى فِي خَلْقِ الرَّحْمَنِ مِنْ تَفَاوُتٍ³¹

Maksudnya; Engkau tidak dapat melihat pada ciptaan Allah yang Maha Pemurah itu sebarang keadaan yang tidak seimbang dan tidak munasabah.

Jawabnya firman Allah SWT:

خَلَقَ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ طِبَاقًا³²

Maksudnya; Dialah yang telah mengaturkan kejadian tujuh petala langit yang berlapis-lapis.

Iaitu tingkat yang lain.

مَا تَرَى فِي خَلْقِ الرَّحْمَنِ مِنْ تَفَاوُتٍ³³

Maksudnya; Engkau tidak dapat melihat pada ciptaan Allah yang Maha Pemurah itu sebarang keadaan yang tidak seimbang dan tidak munasabah.

Bermaksud di lapisan langit. Kerana firmanNya فَارْجِعِ الْبَصَرَ, selepas menyebut ‘lapisan langit’, هل ترى من فطور iaitu keretakan, dan kekufuran tiada keretakan padanya. Kemudian Allah berfirman ثُمَّ ارْجِعِ الْبَصَرَ كَرَّتَيْنِ iaitu di langit dan bumi, يَنْقَلِبُ إِلَيْكَ الْبَصَرُ خَاسِئًا bermaksud penat, وَهُوَ خَسِيرٌ iaitu kalah. Allah SWT tidak menyebut mengenai kekufuran dan juga

³¹ Al-Mulk, 67: 3.

³² Al-Mulk, 67: 3.

³³ Al-Mulk, 67: 3.

perbuatan manusia di dalam ayat ini, kerana itu ia tidak menjadi hujah kepada golongan Qadariyyah.

Persoalan

30) Sekiranya seseorang berkata: Apakah maksud firman Allah SWT:

أَحْسَنَ كُلِّ شَيْءٍ خَلَقَهُ³⁴

Maksudnya: Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu dengan sebaik-baiknya.

Jawabnya: Maksud daripada ayat ini bahawa sesungguhnya Allah SWT mencipta dengan sebaik-baik ciptaan seperti mana dikatakan: Seseorang itu memperelokkan kerja tangannya iaitu dia mengetahui bagaimana membuatnya. Maka, Allah SWT memberitahu bahawasanya Dia mengetahui bagaimana mencipta sesuatu.

Persoalan

31) Sekiranya seseorang berkata: Apakah makna firman Allah SWT:

وَمَا خَلَقْنَا السَّمَاءَ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا بَاطِلًا³⁵

Maksudnya: Dan tiadalah Kami menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya sebagai ciptaan yang tidak mengandungi hikmah dan keadilan.

Jawabnya adalah: Firman Allah SWT selepas itu:

ذَلِكَ ظُلْمٌ الَّذِينَ كَفَرُوا³⁶

³⁴ Al-Sajdah, 32: 7.

³⁵ Sad, 38: 27.

³⁶ Sad, 38: 27.

Maksudnya: Yang demikian adalah sangkaan orang-orang yang kafir.

Hal demikian ini menunjukkan maksud bahawa: Aku tidak mencipta kedua-duanya dan apa yang berada di antara keduanya, dan Aku tidak memberi ganjaran pada mereka yang mentaati dan tidak memberi azab pada orang yang menderhakai Aku dan yang kufur pada-Ku, ini kerana orang-orang kafir menyangka bahawa mereka tidak dikembalikan dan tidak dibangkitkan semula untuk menerima pembalasan. Lalu Allah SWT menjelaskan Dia tidak menciptakan ciptaan kecuali sesudah sebilangan mereka itu untuk mendapat ganjaran dan sebilangan yang lain akan mendapat balasan, sedangkan orang kafir menyangka bahawa mereka tidak dikembalikan kerana Allah SWT menjelaskan ciptaan langit dan bumi adalah pintu kepada ganjaran dan pembalasan kerana Allah berfirman:

أَمْ نَجْعَلُ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ كَالْمُفْسِدِينَ فِي الْأَرْضِ
أَمْ نَجْعَلُ الْمُتَّقِينَ كَالْفُجَّارِ³⁷

Maksudnya: Patutkah Kami jadikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh itu sama seperti orang-orang yang melakukan kerosakan di muka bumi? Atau patutkah Kami jadikan orang-orang yang bertaqwa sama seperti orang-orang yang berdosa?

Allah SWT menyatakan bahawa sangkaan orang-orang musyrikin yang Allah mengingkari sikap mereka bahawa mereka menyangka tidak akan dikenakan balasan yang boleh

³⁷ Sad, 38: 28.

menyebabkan berlakunya pemisahan antara mukmin dan kafir.

32) Berkata Shaykh Abū al-Ḥasan:
Kemungkinan membawa maksud:

وَمَا خَلَقْنَا السَّمَاءَ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا بَاطِلًا³⁸

Maksudnya: Dan tiadalah Kami menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya sebagai ciptaan yang tidak mengandungi hikmah dan keadilan;

Iaitu aku tidak menjadikan semua sekali itu sebagai suatu yang batil kerana batil itu sebahagian dari ciptaan Allah SWT. Dan kemungkinan juga bermaksud, Aku tidak menciptakan sedemikian itu batil, iaitu aku tidak menjadikannya batil sewaktu aku mencipta kedua-duanya, kerana sesuatu yang batil itu berlaku selepas aku menciptakan keduanya.

33) Allah SWT telah berfirman:

الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ³⁹

Maksudnya: Tuhan yang menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya, dalam enam hari.

Kenyataan yang umum ini menunjukkan bahawa Allah yang menciptakan ciptaan yang ada di antara keduanya (langit dan bumi) dari perkara-perkara yang baharu, seperti penciptaan malaikat yang berada antara langit dan bumi, dan juga seperti penciptaan perbuatan haiwan pada waktu itu yang berada di antara

³⁸ Sad, 38: 27.

³⁹ Al-Furqan, 25: 59.

keduanya. Kenapa diputuskan dengan salah satu dari ayat ini bahawa Allah SWT tidak mencipta yang batil tanpa diputuskan dengan ayat yang lain bahawa Allah SWT menciptakan apa yang terdapat di antara langit dan bumi dari perbuatan malaikat dan lain-lain pada waktu itu?

34) Dikatakan: Sekiranya firman Allah SWT pada golongan musyrikin:

يَلُؤُونَ آلْسِنَّتَهُمْ بِالْكِتَابِ لِتَحْسَبُوهُ مِنَ الْكِتَابِ وَمَا هُوَ مِنْ
الْكِتَابِ وَيَقُولُونَ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَمَا هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ⁴⁰

Maksudnya: Dan sesungguhnya, di antara mereka (Ahli Kitab itu) ada (ketua-ketua agamanya) yang memutar-mutar lidahnya semasa membaca kitab Taurat (dengan mengubah maknanya), supaya kamu menyangkanya sebahagian dari kitab Taurat padahal ia bukanlah dari kitab itu, dan mereka pula berkata: "(Bahawa) ia adalah (datangnya) dari sisi Allah", padahal ia bukanlah dari sisi Allah; dan mereka pula tergamak berkata dusta terhadap Allah sedang mereka mengetahui (bahawa mereka adalah berdusta).

Maksudnya Allah SWT tidak menciptanya. Maka mengapakah perkara ketaatan itu tidak menjadi ciptaan Allah SWT, sedangkan ketaatan itu menurut pendapat kamu ianya adalah daripada Allah SWT? Sekiranya kekafiran dan kemaksiatan bukan dicipta oleh Allah SWT kerana ianya adalah berbeza, mengapakah ketaataan itu tidak dicipta oleh-

⁴⁰ Ali 'Imran, 3: 78.

Nya kerana bagi kamu ianya tidak berbeza?
Sekiranya firman Allah SWT:

أَحْسَنَ كُلِّ شَيْءٍ خَلَقَهُ⁴¹

Maksudnya: Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu dengan sebaik-baiknya.

Jika difahami secara umum, adalah kepada semua perkara ciptaan Allah SWT, mengapakah tidak menjadikan firman Allah SWT:

اللَّهُ خَالِقُ كُلِّ شَيْءٍ⁴²

Maksudnya: Allah jualah Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu.

Secara umum pada tiap-tiap sesuatu yang ianya lain dari diri-Nya.

35) Sekiranya seseorang berkata: Apakah maksud firman Allah SWT:

مَا خَلَقْنَا السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا إِلَّا بِالْحَقِّ⁴³

Maksudnya: Tiadalah kami mencipta langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya itu, melainkan dengan cara yang sungguh layak dan berhikmah; dan sesungguhnya hari kiamat itu tetap akan datang; oleh itu biarkanlah (golongan kafir yang mendustakanmu itu wahai Muhammad) serta layanlah mereka dengan cara yang elok.

Jawabnya: Allah SWT. mencipta demikian itu dengan Dia berkata *kun*. Maka yang sebenarnya

⁴¹ Al-Sajdah, 32: 7.

⁴² Al-Ra'd, 13: 16.

⁴³ Al-Hijr, 15: 85.

firman Allah SWT pada langit dan bumi:
“Jadilah”, maka kedua-duanya terjadi.

Persoalan

36) Ditanya kepada Ahl al-Qadr: Bukankah Allah SWT berfirman:

بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ⁴⁴

Maksudnya: Dan Dia Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Menunjukkan bahawa tiada sesuatu yang diketahui kecuali Allah SWT Maha Mengetahui mengenainya. Apabila mereka menjawab: ‘Ya’. Ditanya kepada mereka: Mengapakah kamu mengingkari firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ⁴⁵

Maksudnya: Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Menunjukkan bahawa tiada perkara yang dibuat kecuali Allah SWT Maha berkuasa membuat segalanya, dan firman Allah SWT:

اللَّهُ خَالِقُ كُلِّ شَيْءٍ⁴⁶

Maksudnya: Allah jualah yang menciptakan tiap-tiap sesuatu.

Menunjukkan bahawa tidak ada sesuatu yang baharu yang diciptakan kecuali Allah SWT merupakan penciptanya.

Persoalan

⁴⁴ Al-Baqarah, 2: 29.

⁴⁵ A-Baqarah, 2: 20.

⁴⁶ Al-Ra’d, 13: 16.

37) Sekiranya seseorang berkata mengenai firman Allah SWT:

أَنَّ اللَّهَ بَرِيءٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ وَرَسُولُهُ⁴⁷

Maksudnya: Sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya memutuskan tanggungjawab terhadap orang-orang musyrik.

Jawabnya: Ayat ini diturunkan berkaitan perjanjian-perjanjian yang berlaku di antara orang Mushrikin dengan Rasulullah s.a.w. kerana Allah SWT berfirman:

بَرَاءَةٌ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ إِلَى الَّذِينَ عَاهَدْتُمْ مِنَ الْمُشْرِكِينَ. فَسِيحُوا فِي الْأَرْضِ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ غَيْرُ مُعْجِزِي اللَّهِ وَأَنَّ اللَّهَ مُحْزِي الْكَافِرِينَ⁴⁸

Maksudnya: (Ini adalah) pemutusan tanggungjawab (pembatalan perjanjian) dari Allah dan Rasul-Nya terhadap kaum kafir musyrik yang kamu mengikat perjanjian setia dengan mereka. Oleh itu hendaklah kamu (hai kaum musyrik) bergerak di muka bumi (dengan bebasnya) selama empat bulan, dan ketahuilah bahawa kamu tidak terlepas dari (azab seksa) Allah. Dan (ingatlah) Sesungguhnya Allah akan menghina orang-orang yang kafir.

Allah memberi tempoh kepada mereka empat bulan, kemudian berfirman:

وَأَذَانٌ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ إِلَى النَّاسِ يَوْمَ الْحَجِّ الْأَكْبَرِ أَنَّ اللَّهَ بَرِيءٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ وَرَسُولُهُ⁴⁹

⁴⁷ Al-Tawbah, 9: 9.

⁴⁸ Al-Tawbah, 9: 1-2.

⁴⁹ Al-Tawbah, 9: 3.

Maksudnya: Inilah perisytiharan dari Allah dan RasulNya kepada umat manusia, (diisytiharkan) pada hari raya Haji yang terbesar, bahawa sesungguhnya Allah dan RasulNya memutuskan tanggungjawab terhadap orang-orang musyrik.

Iaitu daripada perjanjian yang berlaku di antara Rasulullah s.a.w. dan orang Mushrikin apabila berlalunya tempoh empat bulan. Kemudian dikecualikan satu kaum daripada kalangan orang mushrikin yang dikenali sebagai Bani Kinanah, maka Allah SWT berfirman:

إِلَّا الَّذِينَ عَاهَدْتُمْ عِنْدَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ فَمَا اسْتَقَامُوا لَكُمْ فَاسْتَقِيمُوا لَهُمْ⁵⁰

Maksudnya: Kecuali orang-orang (musyrik) yang kamu telah mengikat perjanjian setia dengan mereka dekat Masjid al-Haram. Maka selagi mereka berlaku lurus terhadap kamu, hendaklah kamu berlaku lurus pula terhadap mereka.

Sehinggalah berakhirnya tempoh mereka.

- 38) Allah SWT menyebut orang Mushrikin tetapi tidak berkata من شركهم. Jika firman Allah SWT بَرِيءٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ menunjukkan bahawa Allah SWT tidak mencipta perbuatan syirik mereka, nescaya menunjukkan Dia tidak mencipta mereka, kerana Allah SWT suci dari orang mushrikin dan dari perbuatan syirik mereka. Sekiranya firman Allah بَرِيءٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ mewajibkan bahawa ia tidak mencipta perbuatan syirik mereka, maka pastilah

⁵⁰ Al-Tawbah, 9: 7.

menjadi lazim atas golongan Qadariyyah, sewaktu Allah berfirman *إنه ولي المؤمنين*, maka sesungguhnya Dia mencipta iman mereka. Oleh kerana hal sedemikian tidak berlaku di sisi mereka maka demikianlah batal apa yang mereka dakwa.

Persoalan

- 39) Sekiranya seseorang berkata:** Ceritakan kepada kami mengenai dua orang kembar yang berada di padang pasir, tiba-tiba terlintas di hati salah seorang daripada mereka bahawa Allah SWT itu Esa, siapakah yang mencampakkan perkara itu di hatinya? Maka kami menjawab: ianya adalah Allah SWT. Sekiranya dia bertanya, adakah benar apa yang Allah SWT campakkan di dalam hatinya itu?

Dijawab: Ya.

- 40) Dia bertanya:** Apakah ia meyakini apa yang Allah SWT campakkan ke hatinya?

Dijawab: Kebenaran Allah SWT itu tidak berlaku kecuali pada *kalām*-Nya. Tetapi apa yang berlaku dalam hati manusia bukan *kalām* Allah, sehingga seseorang boleh mengatakan bahawa Allah memberitahunya kebenaran melalui hatinya.

- 41) Sekiranya seseorang berkata:** Salah seorang daripada mereka berdua terlintas di hatinya bahawa Allah itu tiga, siapakah yang mencampakkan perkara itu di hatinya?

Dijawab: Allah SWT. Sekiranya ditanya, adakah salah apa yang dicampakkan dihatinya. Maka dijawab, ya. Sekiranya ditanya adakah

Allah membenarkannya mengenai apa yang dicampakkan dalam hatinya atau Allah mendustakannya?

Jawabnya: Salah dikatakan kepadanya bahawa Allah SWT membenarkannya kerana benar-benar Allah SWT adalah dari sifat Zat-Nya iaitu *kalām*-Nya dan salah dikatakan Allah SWT mendustakannya kerana sifat dusta tidak harus bagi Allah SWT kerana mustahil Allah SWT berdusta. Tidaklah wajib apabila Allah SWT mencipta pendustaan pada yang lain, dan dusta dalam hati selain-Nya, maka Dia menjadi pendusta, sebagaimana tidak wajib apabila ia mencipta *qudrah*, *irādah* dan pergerakan pada yang lain maka Dia menjadi yang berkuasa, berkehendak dan bergerak.

Persoalan

42) Sekiranya mereka bertanya: Mengapakah kamu menamakan kami ini Qadariyyah?

Jawabnya: Ini kerana kamu mendakwa pada usaha kamu itu bahawa kamulah yang membuat segala perbuatan kamu dan bukannya pencipta kamu. Golongan Qadariyyah adalah mereka yang menisbahkan demikian itu (usaha dan perbuatan) kepada diri mereka sendiri, seperti gelaran tukang kraf yang mengakui dirinya mahir dengan kerja pertukangan tetapi bukan mendakwa dia yang membuat kerja pertukangan untuk dirinya dan tukang kayu adalah orang yang mendakwa dia boleh bertukang tetapi tidak mengakui dia yang bertukang untuk dirinya tetapi tidak menukang sesuatu. Begitulah keadaan golongan Qadariyyah yang mendakwa dia yang

melakukan perbuatannya yang ditentukan oleh dirinya dan bukan oleh Tuhan, malah dia juga mendakwa bahawa Tuhan tidak melakukan apa-apa daripada usaha-usahanya.

- 43) Sekiranya mereka berkata:** Kamulah yang lazim digelar Qadariyyah kerana kamu mengisbatkan *al-Qadr*.

Dijawab kepada mereka: Kami mengisbatkan bahawa Allah SWT yang mentakdirkan segala perbuatan kami, dan Dia yang menciptanya sebagai suatu yang ditaqdirkan bagi kita, dan kita tidak mengisbatkan *Qadr* kepada diri kita. Maka sesiapa yang mengisbatkan *Qadr* itu hanya kepada Allah SWT dan mendakwa segala perbuatan telah ditakdirkan Allah SWT, maka dia bukanlah dari kalangan Qadariyyah sepertimana seseorang yang mengisbatkan pertukangan kraf dan pertukangan kayu kepada selainnya, maka ia tidak menjadi tukang kraf dan tukang kayu. Sekiranya kami adalah Qadariyyah dengan sebab kami mengatakan bahawa Allah SWT membuat semua perbuatan kami yang ditakdirkan untuk kami, nescaya mereka juga adalah Qadariyyah kerana mereka mendakwa Allah membuat semua perbuatannya sebagai suatu yang ditakdirkan pada dirinya. Jikalau kami adalah Qadariyyah dengan sebab kami mengatakan bahawa Allah mentakdirkan segala maksiat, sudah pasti mereka itu adalah Qadariyyah dengan sebab mereka mengatakan bahawa Allah mentakdirkan segala ketaatan. Oleh kerana tidak berlaku sedemikian itu maka terbatallah dakwaan mereka.

Penutup

Inilah terjemahan teks *Kitāb al-Luma’ fī al-Radd ‘Alā Ahl al-Zaygh wa al-Bida’* yang dikarang oleh Imām Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī. Daripada apa yang dikemukakan dalam penjelasan Imām al-Ash‘arī di atas, jelas bahawa kitab ini mempunyai hujah yang jelas dan kukuh bersumberkan daripada dalil naqli dan aqli dalam mengisbatkan *Qadr* Allah dan perbuatan hamba. Kerana itu mudah-mudahan terjemahan ini akan memberikan panduan kepada para pengkaji yang lain untuk mengkaji lebih mendalam karya-karya dan pemikiran Imam Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī.

Rujukan

- Al-Ash‘arī, al-Imām Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Ismā‘īl. *Kitāb al-Luma’ Fī al-Radd ‘Alā Ahl al-Zaygh Wa al-Bida’*. Dlm. Richard J. McCarthy. *The Theology of al-Ash‘arī*. Beirut: Impremerie Catholic, 1953.
- Al-Ash‘arī, al-Imām Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Ismā‘īl. *Kitāb al-Luma’ Fī al-Radd ‘Alā Ahl al-Zaygh Wa al-Bida’*, ed. Gharābah, Hamūdah. al-Qāhirah: Matba‘ah al-Miṣrīyyah, 1955.
- Al-Ash‘arī, al-Imām Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Ismā‘īl. *Al-Ibānah ‘an Uṣūl al-Diyānah*, ed. Fawqīyyah Ḥusīn Maḥmūd. Al-Qahīrah: Dār al-Anṣār, 1977.
- Al-Baghdādī, ‘Abd al-Qāhir bin Ṭāhir bin Muḥammad. *Al-Farq Bayn al-Firāq wa Bayān al-Firqaq al-Nājiyah Minḥum*, ed. Muḥammad Muḥy al-Dīn ‘Abd al-Hamīd. al-Qāhirah: Maktabah Muḥammad ‘Alī Ṣubḥī, t.th.
- Gharābah, Hamūdah (ed.). *Muqaddimah Kitāb al-Luma’ fī al-Radd ‘alā Ahl al-Zaygh wa al-Bida’*. al-Ash‘arī, al-Imām Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Ismā‘īl. Al-Qāhirah: Matba‘ah al-Miṣrīyyah, 1955.
- Ibn ‘Asākir, Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Ḥasan. *Tabyīn Kadhb al-Muftarā fīmā Nusiba ilā al-Imām Abī al-Ḥasan al-Ash‘arī*. Dimashq: Maṭba‘ah al-Tawfīq, 1347H.

- Ibn al-'Immād, Abū al-Fallāh 'Abd al-Ḥarr Ibn al-Ḥanbalī. *Shadharāt al-Dhahab*, ed. Maḥmūd al-Arna'ūt. 8 Juz. Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, 1989.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl bin 'Umar. *Al-Sīrah al-Nabawiyyah*, ed. Mustafā 'Abd al-Wāhid. 4 Juz. Al-Qāhirah: Maṭba'ah 'Īsa al-Bābi al-Halabi, 1966.
- Jalāl Muḥammad 'Abd al-Ḥamīd Mūsa. *Nash'at al-Ash'ariyyah wa Taṭawwuruhā*. Bayrūt: Dār al-Kitāb al-Lubnāni, 1982.
- Al-Nashshār, 'Alī Samī'. *Nash'at al-Fikr al-Falsafī fī al-Islām*. 3 Juz. Cet Ke-7. al-Qāhirah: Dār al-Ma'ārif, 1977.
- Al-Shahrastānī, Abū al-Faṭḥ Muḥammad bin 'Abd al-Karīm. *Al-Milāl wa al-Nihāl*, ed. 'Abd al-'Azīz Muḥammad al-Wakīl. 4 Juz. Mu'assasah al-Ḥalabī, 1968.
- Richard J. McCarthy. *The Theology of al-Ash'arī*. Beyrut: Imprimerie Catholique, 1953.
- Watt, W. M. *The Formative Period of Islamic Thought*. Edinburgh: Edinburgh University Press, 1973.
- Al-Zaftawī, 'Isam Anas. *Manāhij al-Taṣnīf fī al-Falsafat al-Islām*. Master Thesis. Al-Qāhirah: al-Jāmi'ah Dār al-'Ulūm, 2009.

Mohd Haidhar, Abdull Rahman & Mohd Faizul, “*Kitāb al-Luma’ fī al-Radd ‘alā Ahl al-Zaygh wa al-Bida’*” Karangan Imām Abū Al-Ḥasan Al-Ash‘arī,”
Afkar Vol. 20 Issue 1 (2018): 41-84